



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 24 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PJMKM 2.0 DI MELAKA: FAMA SASAR NILAI JUALAN KASAR RM10 JUTA, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	FAMA SASAR NILAI JULAN KASAR PJMKM 2.0 DI MELAKA CECAH RM10 JUTA, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE	
3.	HAMPIR 92,000 DAPAT MANFAAT PENGANJURAN PJMKM, MELAKA HARIINI -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2022	BERITA RTM	ONLINE	

## PJMKM 2.0 di Melaka: FAMA sasar nilai jualan kasar RM10 juta



**LENDU, 24 September-** Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan kasar RM10 juta bagi Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 di Melaka yang bermula 20 Ogos lalu hingga 31 Disember.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, program itu menawarkan pengurangan harga barang makanan di 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang diadakan dua kali sebulan atau digalakkan pada setiap minggu di premis terpilih tertakluk pada kesesuaian penganjur tempatan dan agensi pelaksana.

Katanya, setakat minggu lepas nilai jualan PJMKM 2.0 di Melaka telah mencapai lebih RM2.75 juta.

Program seperti ini telah memberi manfaat kepada 91,981 orang dengan jumlah subsidi sebanyak RM555,920.



(Abdul Rashid berkata FAMAmenyasarkan nilai jualan kasar RM10 juta bagi Program Jualan Murah Keluarga Malaysia)

“Kita sasarkan sepuluh jutalah kita berharap akan dicapai sebab kita berpandangan apa yang kerajaan bagi adalah sebahagian daripada tawaran yang boleh dibuat oleh kedai tersebut. Maknanya kedai boleh tawarkan yang lain dan

DUN juga boleh tambah, boleh bagi produk yang lain untuk jualan yang sama. Jadi sasaran itu boleh dicapai dengan agak mudahlah kalau sama-sama bekerja.” kata Abdul Rashid selepas perasmian PJMKM 2.0 oleh Ketua Menteri Negeri, Datuk Seri Sulaiman di sini.

Dalam menhadapi Monsun Timur Laut (MTL), Abdul Rashid berkata pihak FAMA bekerjasama dengan agensi pengeluar berkaitan dengan menyimpan sebahagian sayur-sayuran jenis tidak berdaun dan tahan lama seperti kobis dan labu.

Beliau menjangkakan terdapat peningkatan harga sayur berikut MTL.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2022	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

## FAMA sasar nilai jualan kasar PJMKM 2.0 di Melaka cecah RM10 juta



ALOR GAJAH, 24 Sept (Bernama) — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan kasar penganjuran Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 yang mula dilaksanakan bermula 20 Ogos lepas hingga 31 Dis depan di Melaka mencecah RM10 juta.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Operasi) Abdul Rashid Bahri berkata penganjuran PJMKM yang dilaksanakan di 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Melaka turut dijangka memberi pengurangan harga mencecah RM3.5 juta daripada pelbagai barang makanan menerusi subsidi kerajaan serta memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 pengguna di negeri itu dalam tempoh berkenaan.

“Di Melaka PJMKM 2.0 sehingga minggu lepas, penganjuran program berkenaan telah memberi manfaat kepada kira-kira 91,981 pengguna dengan nilai subsidi sebanyak RM555,920.01.

Sepanjang tempoh itu juga, PJMKM 2.0 juga telah merekodkan nilai jualan kasar kira-kira RM2.76 juta dan pelbagai barang keperluan dapur diberi diskaun antara 10 hingga 20 peratus berbanding harga pasaran semasa,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran PJMKM 2.0 Peringkat Negeri Melaka di Pasar Segar Sejuk Beku Erol di Lendu di sini hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali dan turut dihadiri Pengarah FAMA Melaka Hairudin Yunos.

Abdul Rashid berkata penganjuran PJMKM 2.0 akan dilaksanakan satu atau dua minggu sekali di setiap DUN bagi membantu meringankan kos sara hidup yang ditanggung rakyat ekoran kenaikan harga barang.

Beliau berkata selain memberi manfaat kepada pengguna, penganjuran PJMKM turut membantu pekebun kecil untuk memasarkan sayuran-sayuran mereka di kedai yang terlibat dalam program tersebut.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rashid berkata FAMA akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi memastikan bekalan sayur-sayuran tidak terjejas sepanjang Monsun Timur Laut yang dijangka bermula November ini.

“FAMA menyediakan logistik iaitu sebanyak 40 pusat operasi di seluruh negara yang mempunyai kemudahan pengangkutan dan penyimpanan bagi menyimpan sayur-sayuran diselaras agensi pengeluar iaitu Jabatan Pertanian dan LPP,” katanya.

Beliau berkata antara sayur-sayuran yang disimpan di pusat operasi berkenaan adalah dari jenis tahan lama dan bukan sayuran berdaun seperti kubis dan labu.

Dalam pada itu, katanya harga sayur-sayuran dijangka akan turut meningkat ekoran perubahan cuaca menjelang Monsun Timur Laut sekali gus menyebabkan kenaikan harga namun hanya bersifat sementara.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2022	MELAKA HARIINI	ONLINE	

## Hampir 92,000 dapat manfaat penganjuran PJMKM



LENDU 24 September – Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0 dianjurkan bermula 1 Ogos lalu memberi manfaat kepada lebih 92,000 pengguna seluruh Negeri Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, setakat ini 91 penganjuran PJMKM 2.0 dilaksanakan di semua 28 Dewan Undangan Negeri (DUN).

“PJMKM menawarkan barangang 20 peratus lebih murah berbanding harga biasa, serba sedikit dapat meringankan beban rakyat akibat kenaikan yang tidak menentu dan tidak ada DUN ketinggalan.

“Hari ini kita tengok barangang seperti beras, ditawarkan kurang sebanyak RM5, gula kurang 0.55 sen dan daging segar hanya dijual RM32 satu kilogram. Jadi ini bukti bahawa Kerajaan Negeri hari ini begitu prihatin terhadap rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran PJMKM 2.0 DUN Lendu yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Abdul Rashid Bahri, di Lendu, di sini, hari ini.

Sementara itu, Abdul Rashid berkata, kerajaan memberikan subsidi berjumlah hampir RM560,000 sepanjang penganjuran PJMKM 2.0.

“Setakat ini nilai jualan kasar diperoleh adalah lebih RM2.7 juta dan kita sasarkan jumlah itu akan meningkatkan kepada RM10 juta hujung tahun ini.

“Selain membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah ia secara tidak langsung membantu usahawan meningkatkan hasil jualan,” katanya.